

MAHA THIR:

JANGAN MEMBAZIR

UMI 17 SEP 1981

KUALA LUMPUR, 16 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir hari ini mengingatkan angkatan tentera supaya menggunakan peruntukan besar yang diberi kepada pertahanan negara dengan sebaik-baiknya dan cara yang paling berkesan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mahu angkatan tentera sentiasa menyedari hakikat bahawa sebagai sebuah negara yang membangun adalaf sukar bagi Malaysia untuk membeli alat-alat sofistikated itu dengan banyak.

"Oleh yang demikian kita hendaklah menggunakan peruntukan yang besar itu dengan sebaik-baiknya dan cara yang paling berkesan," tegas beliau.

Beliau yakin selain dari itu pengurusan yang baik juga akan

Beliau berharap angkatan tentera akan terus berusaha meningkatkan latihan pegawai-pegawai kanannya hingga ke peringkat lebih tinggi dalam bidang ketenteraan, bidang pengurusan dan lain-lain.

Katanya, latihan adalah merupakan aspek yang sangat penting dalam usaha membentuk sebuah angkatan tentera

Menurut beliau kompleks itu yang akan juga mengandungi Maklab Turus Angkatan Tentera, Institut Pertahanan Negara, dan Muzium Angkatan Tentera adalah di bawah rancangan perkembangan istimewa angkatan tentera (1979-1983).

Turut hadir dalam majlis perasmian pembukaan MPAT itu

Perdana Menteri menegaskan bahawa untuk mencapai objektif itu angkatan tentera memerlukan pentadbiran dan pengurusan pertahanan yang cecap di samping strategi pertahanan yang baik.

"Dengan ini dapattah kita mengelakkan berlakunya sebarang pembaziran dan mengurus pembekalan kelengkapan serta kemudahan untuk angkatan tentera dengan licin dan teratur," katanya ketika berucap merasmikan pembukaan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan menarik perhatian bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada keselamatan dan pertahanan negara dan peruntukan yang besar telah diberi kepada aspek ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dengan peruntukan yang besar itu, tambah beliau, angkatan tentera Malaysia akan diperkuat dan diperbesar dari segi bilangan anggotanya, alat-alat kelengkapan dan kemudahan-kemudahan lain.

Alat-alat dan senjata-senjata yang akan diperolehi adalah yang moden dan kated, katanya.

menjamin pelaksanaan rancangan-rancangan yang melibatkan kebajikan anggota-anggota tentera dan keluarga mereka.

Dalam usaha untuk memastikan rancangan-rancangan pembangunan angkatan tentera dilaksanakan dengan teratur, Datuk Sri Dr. Mahathir menekankan tentang perlu para pegawai awam di Kementerian Pertahanan dan para pegawai tentera memahami keperluan dan masalah di antara satu sama lain.

Dengan adanya persefahaman itu barulah dapat diwujudkan sikap positif yang akan menentukan kelicinan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan bagi angkatan tentera kita."

Perdana Menteri berpendapat semua pegawai kerajaan, termasuk juga tentera mestilah mempunyai pengetahuan am yang luas dan sentiasa mengikut perkembangan di dalam dan luar negeri.

"Ini khususnya mengenai pergolakan di rantau ini serta memahami implikasinya terhadap negara kita," ujarnya.

Menurutnya, pengetahuan seperti ini amatlah penting untuk merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pertahanan dan keselamatan negara.

yang mampu melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna dan berkesan.

Beliau menganggap penubuhan MPAT yang dirasmikannya itu sebagai satu lagi kemajuan bagi meningkatkan kemampuan kepimpinan dalam angkatan tentera.

Sebelum itu dalam ucapannya, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Ghazali Seth menerangkan bahawa MPAT telah ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan latihan kepada tentera yang berpangkat letnan kolonel ke atas.

Beliau menjelaskan maktab tentera itu ditubuhkan kerana keperluan baginya telah menjadi bertambah mendesak kerana pertambahan pegawai-pegawai kanan tentera yang ada sekarang dalam mana kualiti mereka sangat-sangat dikehendaki.

Katanya, MPAT yang kini bertempat di Kompleks Kementerian Pertahanan akan dipindahkan ke sebuah kompleks angkatan tentera di Taman Templer apabila ia siap kelak.

ialah dua orang bekas Ketua Turus Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Hamid Bidin dan Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail, Ketua Polis Negara Tan Sri Haniff Omar dan para pegawai tinggi tentera yang lain.